

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peruntukan MARRIS yang telah diperuntukkan untuk setiap Majlis Perbandaran atau Kerajaan Tempatan di Sarawak dalam tahun 2014, 2015, 2016 dan 2017 masing-masing.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan Pemberian MARRIS kepada negeri berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Skop penyelenggaraan jalan raya negeri adalah tertakluk kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS yang berkuatkuasa.

Peruntukan MARRIS yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2014 adalah berjumlah RM761.3 juta, tahun 2015 (RM775.9 juta), tahun 2016 (RM822.4 juta) dan sehingga Jun 2017 (RM417.4 juta).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pengagihan peruntukan MARRIS di peringkat negeri kepada Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa setiap Kerajaan Negeri. Oleh itu, Yang Berhormat bolehlah merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa negeri.